



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 3 (89)
Tarikh: 23 Jun 2017

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2017

DASAR PINJAMAN BUKU TEKS KEPADA MURID DI BAWAH SKIM PINJAMAN
BUKU TEKS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini memaklumkan pelaksanaan Dasar Pinjaman Buku Teks kepada Murid di bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Oktober 1973 telah bersetuju untuk memberikan buku teks secara percuma atau disubsidikan kepada murid-murid dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah di sekolah kebangsaan dan diperluas kepada semua jenis sekolah yang lain. Sehubungan dengan itu, Majlis Tindakan Negara (MTN) telah memutuskan pemberian pinjaman buku teks kepada semua murid di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan pada tahun 1974. Bagi sekolah jenis kebangsaan pula hendaklah berpandukan sistem markah yang ditentukan mengikut

pendapatan ibu bapa dan bilangan anak mereka yang bersekolah. Oleh yang demikian, SPBT mula dilaksanakan pada tahun 1975 ke seluruh negara mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan.

3. Pada tahun 1983, SPBT telah diperluas ke sekolah-sekolah menengah agama di bawah kelolaan kerajaan negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Rakyat. Dasar kelayakan SPBT telah mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2005 pemberian buku teks telah diperluas kepada semua murid yang ibu bapa atau penjaganya terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

4. Pada 7 September 2007, Rang Undang-Undang Perbekalan (2008) yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat memutuskan supaya dasar SPBT diperluas kepada semua murid warganegara Malaysia tanpa mengira pendapatan isi rumah dan bilangan anak yang layak di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008. Hal ini dinyatakan dalam SPI Bil.11/2007 bertarikh 26 September 2007.

5. Pada 27 Jun 2008, peluasan dasar bantuan SPBT ke Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri telah dipersetujui oleh YB Menteri Pelajaran berdasarkan Nota Ringkas kepada YB Menteri Pelajaran bertajuk, "Cadangan Peluasan Dasar Bantuan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) kepada Sekolah-sekolah Rendah Agama Bersepadu/Integrasi Kerajaan Negeri Mulai Tahun 2009", Ruj: KP.BT.(S)8769/3/Jld.9(13) bertarikh 23 Jun 2008.

PELAKSANAAN

6. Semua murid warganegara Malaysia di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)/Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di bawah Kerajaan Negeri adalah layak menerima bantuan SPBT tanpa mengira pendapatan isi rumah dan bilangan anak yang layak.

7. Dasar SPBT ini juga meliputi pemberian buku teks kepada sekolah-sekolah yang terlibat dengan program khas KPM seperti Program Khas Pelaksanaan Sekolah Integriti, Sekolah Henry Gurney, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Sekolah Dalam Hospital dan Kolej Vokasional.

TARIKH KUAT KUASA

8. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2007; Pindaan Syarat Kelayakan Minimum Buku Teks di Bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.11/2007; Pindaan Syarat Kelayakan Minimum Buku Teks di Bawah Skim Pinjaman Buku Teks Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 26 September 2007 dibatalkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

10. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

1. YB Menteri Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia